

# Dua pemimpin kanan UMNO tekad sokong Pak Lah

PULAU PINANG 2 Jan. — Dua pemimpin kanan UMNO bertekad memberi sokongan padu kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai pengganti Perdana Menteri sambil memberi jaminan tidak akan berlaku perebutan kuasa atau kewujudan kem-kem dalam parti menjelang peralihan kuasa Oktober ini.

Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, ramalan Datuk Seri Abdul Hadi Awang bahawa kononnya akan berlaku perebutan kuasa selepas Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bersara, adalah muslihat politik Pemangku Presiden Pas itu.

Tegasnya, Abdul Hadi sebenarnya cuba mencetuskan syak wasangka di kalangan pemimpin dan 2.8 juta ahli UMNO terhadap proses peralihan kepimpinan negara.

Menerusi taktik itu nanti, perpaduan dalam UMNO diharap akan tergugat sekali gus memberi peluang kepada Pas untuk menembusi kubu UMNO.

“Sebenarnya tidak ada masalah (peralihan kuasa kepimpinan negara). Cuma Abdul Hadi cuba menimbulkan semacam spekulasi yang akhirnya akan mengakibatkan ahli-ahli UMNO bersengketa sesama sendiri.

“Lagi pun, semua pemimpin UMNO telah memberi perakuan akan menyokong Abdullah sebagai Perdana Menteri nanti,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Abdul Hadi baru-baru ini yang meramalkan akan berlaku perebutan kuasa dalam UMNO apabila Dr. Mahathir bersara kelak.

Menteri Besar Terengganu itu dalam perutusan Tahun Baru 2003 kelmarin menyifatkan UMNO sebagai parti yang terus ketandusan pemimpin dan berharap permasalahan dalam parti itu tidak akan menjejaskan kestabilan negara.

Dalam pada itu, seorang lagi Naib Presiden, Tan Sri Muhammad Muhd. Taib menyifatkan dakwaan Abdul Hadi sebagai cetusan ‘kebimbangan’ mendalam Pas terhadap kekuatan UMNO ketika ini.

Justeru, pemimpin Pas itu seboleh-bolehnya cuba mencetuskan polemik baru di kalangan rakyat untuk meraih ‘undi percuma’ pada pilihan raya umum akan datang.

Tegas Muhammad lagi, hakikatnya perebutan kuasa yang pernah berlaku dalam UMNO pada masa lepas tidak akan berulang.

“Tidak akan wujud kem-kem dalam parti seperti berlaku pada 1987 yang menyumbang kekalahan kita di Kelantan pada pilihan raya umum 1990.

“Saya berani beri jaminan ini kepada Abdullah selaku orang yang diberi kepercayaan menerajui negara pada Oktober nanti,” katanya.

Semalam, Dr. Mahathir berkata, beliau yakin pemindahan kuasa pucuk pimpinan parti dalam UMNO akan berjalan lancar dan aman selepas persaraannya akhir tahun ini.

Menurut Perdana Menteri, Abdul Hadi boleh membuat spekulasi mengenai perebutan kuasa, tetapi ia tidak akan berlaku dalam UMNO.